

Dulu mahu jadi ahli Matematik

Oleh NUR NAZLINA NADZARI

UM/26.7.20/28/12/1/K9-Sosial.

NAMA Datuk Hashim Jasin atau ustaz Hashim bukan lagi asing sebagai salah seorang ahli ulama terkenal dan berpengaruh di negara ini.

Namun, siapa sangka, di zaman persekolahan beliau sebenarnya meminati ilmu Matematik dan bercita-cita untuk berjaya dalam bidang berkenaan.

Namun begitu, graduan Ijazah Sarjana Muda Syariah dan Sastera Arab dari Universiti Baghdad ini tidak meneruskan minat tersebut kerana mengikut kehendak ibu bapanya yang lebih cenderung melihat beliau mendalami ilmu agama.

Beliau yang merupakan seorang daripada 10 yang terpilih menerima biasiswa kerajaan Iraq pada 1964 itu menganggap pilihan keluarga pada masa itu adalah yang terbaik untuk dirinya.

“Kalau ikut minat, saya suka dalam ilmu Matematik sejak kecil. Tapi emak dan ayah lebih mendorong agar saya belajar dalam ilmu agama.

“Mak dan ayah saya ini orang kampung yang tidak mempunyai pelajaran tinggi tetapi mereka rajin mengaji. Sebab itu, mereka mahu kami adik beradik belajar.

“Saya juga mempunyai dua orang abang yang turut melanjutkan pelajaran di Mesir. Jadi, mak dan ayah mahu saya mengikut jejak langkah abang-abang saya,” kata Mursyidul Am Pas itu ketika ditemui di Kompleks Pas Perlis, Kangar, baru-baru ini.

Anak jati Perlis dari Changkat Jawi itu ialah anak bongsu daripada empat adik beradik dan mempunyai seorang kakak.

Hashim mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Jelempek dan kemudian di Sekolah Menengah Agama Al Madrasah Al Alawiyah Ad Diniah, Arau.

Beliau juga sempat menjadi guru di madrasah yang sama pada 1959 hingga 1963 sebelum melanjutkan pelajaran ke Iraq.

DATUK HASHIM JASIN

- » **Tarikh lahir:** 1 Ogos 1939
- » **Tempat lahir:** Changkat Jawi, Perlis
- » **Pendidikan:**
- » Sekolah Melayu Jelempek
- » Sekolah Menengah Agama Al Madrasah Al Alawiyah Ad Diniah
- » Universiti Baghdad

Setelah pulang dari Iraq, Hashim bertugas sebagai guru agama di bawah Jabatan Agama Pahang antara 1968 hingga 1971.

Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Pegawai Pembangunan Peneroka (Agama) Felda dari 1972 hingga 1989.

Menurut Hashim, selepas bersara dari Felda dan menyertai Pas Perlis pada 1989, pihaknya berusaha mempergiatkan pengajian Islam di negeri itu dengan menubuhkan beberapa sekolah agama.

Dalam pada itu, pihaknya kini turut dalam proses untuk membina Kompleks Pendidikan Ibnu Aqil di Kampung Kubang Siput, Pauh, Arau.

“Kompleks itu akan dibangunkan dengan tabika, sekolah rendah, sekolah menengah, tahfiz dan juga pondok moden di sebuah tanah wakaf. Ini adalah salah satu cara untuk menghidupkan sekolah agama rakyat.

“Kalau kita lihat ada yang berumur 60, 70 tahun yang masih tidak kenal al-Quran dan tiada yang beri perhatian pada golongan ini, sedangkan mereka akan meninggal dunia suatu hari nanti. Adakah kita akan membiarkan mereka meninggal tanpa boleh membaca al-Quran?” tanya beliau.



Kalau kita lihat ada yang berumur 60, 70 tahun yang masih tidak kenal al-Quran dan tiada yang beri perhatian pada golongan ini, sedangkan mereka akan meninggal dunia suatu hari nanti.”

HASHIM JASIN

